

# KARNIAWAN 2009

Oleh : Fathul Azan Faezan

## Konvensyen Dan Karnival Keusahawanan Siswa IPTA

Peringkat Nasional 2009

(KARNIAWAN) Kali Ke VII

telah diadakan pada **15 hingga 18 Februari 2010**

bertempat di Universiti Malaysia Kelantan. Program anjuran Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Majlis Keusahawanan

Mahasiswa Universiti-Universiti

Malaysia (MAKMUM) bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada mahasiswa-mahasiswa di seluruh IPTA yang memberikan komitmen yang jitu di dalam bidang

keusahawanan. Namun, apa yang lebih penting ialah di mana para pegawai dan para pelajar dapat berkumpul bersama dan bertukar-tukar pendapat dan idea serta berkongsi pengalaman berkaitan dengan program keusahawanan di universiti masing-masing. UniMAP telah menghantar seramai 10 pelajar untuk menyertai program ini dan penglibatan UniMAP dengan menyertai Pertandingan Rancangan Perniagaan dan gerai jualan. Lebih daripada 50 buah gerai jualan mengambil bahagian. Program telah diserikan lagi dengan kehadiran pelakon terkenal tanahair iaitu Rosyam Nor dan majlis telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Khalid Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

